CIMB ISLAMIC BANK BERHAD TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT ("TERMA")
KEMUDAHAN CIMB SALARY ADVANCE-i ("KEMUDAHAN")

Sekiranya permohonan CIMB Salary Advance-i ("Facility") Pemohon ("**Pemohon**") yang dinamakan di dalam Borang Permohonan Elektronik CIMB Salary Advance-i ("**Borang Permohonan Kemudahan**") diluluskan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] ("**Bank**"), Pemohon bersetuju bahawa Terma Kemudahan ini adalah mengikat Pemohon dan akan mengawal Kemudahan yang disediakan oleh Bank kepada Pemohon. Had kemudahan Cash Line-i ("**Had Lulus**") di bawah Kemudahan ini akan disediakan oleh Bank melalui Akaun Semasa-i Pemohon, dibuka dan diselenggara oleh Pemohon seperti yang diluluskan oleh Bank (selepas ini dirujuk sebagai "**CIMB Akaun Semasa-i**" atau "**Akaun Kemudahan**").

Setelah Bank meluluskan permohonan Pemohon untuk Kemudahan ini dan Had yang Diluluskan telah disediakan untuk digunakan dalam Akaun Semasa-i CIMB Pemohon iaitu akaun tersebut akan dinamakan dan dianggap sebagai Akaun Kemudahan bagi tujuan Kemudahan ini, Bank akan memaklumkan kepada Pemohon mengenai perkara yang sama dengan cara:

(a) mesej perkhidmatan pesanan ringkas ("**SMS"**) yang dihantar ke nombor telefon bimbit Pemohon yang di dalam rekod Bank; diikuti

(b) Surat Notis Cash Line-i yang dihantar ke alamat pos Pemohon dalam rekod dengan Bank atau melalui mod lain yang ditentukan oleh Bank, yang menetapkan butir-butir Kemudahan sebagaimana yang dipohon dan diluluskan oleh Bank.

Ia adalah syarat yang perlu dipatuhi bagi Kemudahan ini dimana Pemohon hendaklah memastikan pendapatan bulanannya dikreditkan setiap bulan ke dalam Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan-i yang diselenggarakan oleh Bank, atau Akaun Semasa atau Akaun Simpanan yang diselenggarakan oleh CIMB Bank Berhad (dirujuk secara individu sebagai "Akaun Gaji"). Sebarang wang yang terdapat dalam Akaun Semasa-i CIMB Pemohon akan ditolak oleh Bank untuk pembayaran keuntungan, fi yang dikenakan, cukai dan/atau apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini. Pemohon bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan Akaun Semasa-i CIMB dari semasa ke semasa untuk semua fi yang dikenakan, keuntungan yang perlu dibayar berkenaan dengan Kemudahan, caj pembayaran lewat ke atas amaun yang melebihi Had Diluluskan, cukai dan apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini.

Sekiranya amaun yang bersamaan dengan pendapatan bulanan Pemohon tidak dikreditkan ke dalam Akaun Gaji pemohon dalam mana-mana bulan kalendar, Bank boleh membatalkan Kemudahan dengan menghantar mesej SMS kepada Pemohon bahawa Kemudahan akan ditamatkan setelah tamat tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh SMS tersebut. Sekiranya Kemudahan ditamatkan atas sebab ini, apabila tamat tempoh empat belas (14) hari kalendar (i) semua jumlah tertunggak di bawah Kemudahan hendaklah dibayar dengan segera; dan (ii) tiada penggunaan lanjut dibenarkan. Perkara ini dianggap sebagai pembayaran dipercepatkan terhadap Harga Jualan Bank. Peruntukan di atas adalah tanpa menjejaskan hak-hak lain Bank untuk membatalkan atau menamatkan Kemudahan di bawah Terma ini.

TERMA KEMUDAHAN

1. Tujuan

Semua amaun yang digunakan di bawah Kemudahan ini hanya boleh digunakan untuk kegunaan peribadi atau pelaburan peribadi dan Pemohon bersetuju dan beraku janji untuk tidak menggunakan Kemudahan ini atau apa-apa jumlah yang digunakan di bawahnya bagi sebarang aktiviti, transaksi atau tujuan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah.

2. Ketersediaan Kemudahan

Kemudahan ini akan disediakan untuk digunakan oleh Pemohon untuk tempoh lima (5) tahun ("Tempoh Ketersediaan") bermula daripada selesai transaksi Tawarruq tertakluk kepada Terma dan Syarat termasuk, tetapi tidak terhad kepada, syarat-syarat berikut telah dan terus dipenuhi:-

(a) Pemohon telah membuka dan terus mengekalkan Akaun Semasa-i CIMB dengan Bank; dan

(b) pendapatan Pemohon mesti dikreditkan setiap bulan kalendar ke dalam Akaun Gaji beliau.

Jika salah satu daripada syarat-syarat ini tidak dipenuhi pada bila-bila masa, Bank mempunyai pilihan, tetapi bukan kewajipan, untuk menarik balik dan menamatkan Kemudahan dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemohon.

Pada atau sebelum tamatnya Tempoh Ketersediaan, pihak Bank boleh memperbaharui Kemudahan tersebut selaras dengan Klausa 14 Terma dan Syarat..

3. Pemantauan

Bank tidak terikat untuk memantau atau mengesahkan penggunaan apa-apa amaun yang digunakan menurut Terma ini.

4. Hak untuk Semakan

(a) Kemudahan ini tertakluk kepada semakan berkala. Tiada apa-apa di dalam Terma ini yang dianggap mengenakan apa-apa obligasi kepada Bank, sama ada secara undang-undang atau ekuiti, untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan ini.

(b) Bank secara unilateral berhak untuk menggantung, menarik kembali, membatalkan atau menamatkan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya pada bila-bila masa dengan memberi notis yang sama melalui SMS kepada nombor telefon mudah alih Pemohon dalam rekod Bank. Jika Bank berbuat demikian, semua amaun tertunggak di bawah Kemudahan akan menjadi tunggakan perlu dibayar dengan selepas empat belas (14) hari kalendar dari notis Bank dan dianggap sebagai pembayaran dipercepatkan terhadap Harga Jualan Bank.

5. Kadar Keuntungan

(a) Keuntungan **("Keuntungan")** yang dikenakan bagi Kemudahan ini adalah berdasarkan Kadar Keuntungan Siling **("KKS")** sebanyak 24% setahun didarabkan dengan Had Lulus dan jangka masa lima (5) tahun atau jangka masa lain yang diluluskan oleh Bank.

(b) Walau demikian Fasal 5(a), Keuntungan dikira secara harian pada Kadar Keuntungan Efektif ("**KKE**") setahun sebagaimana yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk (PDS) menggunakan asas 365 hari setahun atau 366 hari bagi tahun lompat, dan akan dicaj ke Akaun Kemudahan pada akhir setiap bulan. KKE adalah bersamaan dengan margin yang ditetapkan (sebagaimana yang dinyatakan dalam PDS) ditambah dengan Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate)

(c) Pemohon hendaklah membayar semua Keuntungan yang terakru di bawah Kemudahan. Pada akhir setiap bulan kalendar, Pemohon dengan ini secara nyata memberi kuasa kepada Bank untuk:

(i) Mendebitkan Keuntungan yang perlu dibayar daripada wang yang terdapat dalam kredit Akaun Kemudahan Pemohon (jika ada); atau

(ii) Menggunakan Had Diluluskan yang masih tersedia untuk membayar Keuntungan yang belum dijelaskan sekiranya wang yang terdapat dalam kredit Akaun Kemudahan Pemohon tidak mencukupi untuk membayar keseluruhan Keuntungan tersebut.

Sebarang amaun yang digunakan di bawah Klausa 5(c)(ii) hendaklah dianggap sebagai suatu penggunaan di bawah Kemudahan ini.

Nota: "**Kadar Asas Standard**" adalah bermaksud Kadar Asas Standard Bank dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang akan dipaparkan di cawangan Bank dan/atau disiarkan di laman web Bank. Sekiranya terdapat kenaikan atau penurunan pada Kadar Asas Standard, Kadar Keuntungan Efektif, akan naik dan turun dengan sewajarnya, tertakluk pada kadar tersebut tidak melebihi KKS.

6. Konsep/Kaedah Pembiayaan Syariah

(a) Produk ini menggunakan konsep Syariah iaitu Tawarruq, setelah kelulusan Kemudahan oleh Bank, Bank akan membeli Komoditi daripada pembekal komoditi pada Harga Pembelian Bank yang bersamaan dengan Had Diluluskan. Selepas itu Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pemohon, dan Pemohon akan membeli Komoditi tersebut daripada Bank pada Harga Jualan Bank berdasarkan terma dan syarat yang terkandung dalam Terma ini. Harga Jualan Bank hendaklah terdiri daripada Harga Pembelian Bank ("Prinsipal") dan Keuntungan. Pembelian Komoditi oleh Pemohon akan dibuat oleh Bank atau mana-mana pihak ketiga yang diterima oleh Bank sebagai ejen Pemohon menurut agensi yang diterangkan di bawah.

(b) Selepas penyempurnaan penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon, hakmilik undang-undang dan/atau benefisial, pemilikan, hak, risiko dan kepentingan Komoditi tersebut hendaklah dipindahmilik dengan segera kepada Pemohon dan Bank hendaklah dengan segera membolehkan Pemohon mengambil hakmilik Komoditi. Sekiranya Pemohon memerlukan, Bank hendaklah dengan serta-merta membolehkan Komoditi dihantar kepada Pemohon. Apa-apa kos yang ditanggung untuk penghantaran Komoditi hendaklah ditanggung oleh Pemohon. Penghantaran Komoditi tersebut kepada pemohon hanya boleh dibuat jika Bank tidak menjual Komoditi sebagai ejen Pemohon kepada mana-mana pihak ketiga. Pihak-pihak di sini bersetuju bahawa Komoditi tersebut dijual atas "dasar sedia ada" bebas daripada semua bebanan, caj, lien dan/atau sekatan dan tanpa apa-apa representasi atau jaminan berkenaan dengannya. Pemohon juga bersetuju untuk mengetepikan haknya untuk menamatkan penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon sekiranya Komoditi didapati rosak.

(c) Setelah selesai penjualan dan pembelian Komoditi dalam (b) di atas, Bank atau mana-mana pihak ketiga yang boleh diterima oleh Bank sebagai ejen Pemohon dan bagi pihak Pemohon menurut agensi yang diterangkan di bawah, akan menjual Komoditi itu kepada mana-mana pembekal komoditi (yang tidak boleh menjadi pembekal komoditi yang disebut dalam (a) di atas) pada harga yang bersamaan dengan Had Diluluskan amaun yang akan disediakan untuk digunakan dalam Akaun Semasa-i CIMB Pemohon bagi tujuan Kemudahan.

(d) Menurut Fasal 6(c), pihak ketiga tersebut akan berhutang Harga Pembelian Bank kepada Pemohon. Walau bagaimanapun, selaras dengan konsep Syariah Hawalah al-Dayn al-Mutlaqah (pemindahan hutang tanpa sekatan), Bank telah bersetuju untuk mengambil alih

sepenuhnya obligasi hutang pihak ketiga tersebut kepada Pemohon. Amaun yang terhutang oleh Bank kepada Pemohon hendaklah merupakan Had Diluluskan Pemohon yang boleh digunakan

(e) Aturan di atas hendaklah selepas ini dirujuk sebagai "transaksi Tawarruq".

“Komoditi” yang disebut di atas bermaksud mana-mana komoditi patuh Syariah selain daripada komoditi riba dalam kategori medium pertukaran seperti mata wang, emas, perak dan instrumen hutang yang disahkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

7. Pelantikan Bank Sebagai Ejen

Tertakluk kepada kelulusan Kemudahan oleh Bank, Pemohon melantik Bank sebagai ejennya:-

(a) untuk melaksanakan bagi pihak Pemohon pembelian Komoditi oleh Pemohon daripada Bank pada Harga Jualan Bank; dan

(b) untuk menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga pada Harga Jualan Pemohon selepas penyempurnaan penjualan Komoditi oleh Bank kepada Pemohon. Untuk mengelakkan keraguan, Bank hanya wajib untuk bertindak sebagai ejen Pemohon seperti yang dinyatakan dalam (a) dan (b) di atas jika Kemudahan telah diluluskan oleh Bank. Pelantikan ejen akan dibubarkan:

(i) setelah selesainya perkara-perkara (a) dan (b) di atas; atau

(ii) jika Kemudahan yang diberikan kepada Pemohon ditamatkan sebelum pelaksanaan oleh Bank perkara-perkara yang dinyatakan di (a) dan (b) di atas berikutan pengingkaran Terma oleh Pemohon; atau

(iii) jika Pemohon melaksanakan pilihannya untuk membatalkan pelantikan ejen disebabkan oleh salahlaku, kecuaian atau pengingkaran syarat spesifik pelantikan ejen oleh Bank; Sekiranya pelantikan ejen dibubarkan berikutan (ii) atau (iii) di atas, liabiliti mana-mana pihak kepada pihak yang satu lagi berhubung dengan pembubaran ejen tersebut adalah terhad kepada RM1.00.

(c) Pemohon memahami dan bersetuju bahawa Kemudahan ini adalah sah dan disediakan semasa Tempoh Ketersediaan. Pemohon juga memahami dan bersetuju bahawa Kemudahan boleh diperbaharui (“Pembaharuan Kemudahan”) setelah Bank menyampaikan notis pembaharuan kepada Pemohon.

(d) Sekiranya berlaku pembaharuan Kemudahan atas terma dan syarat yang dipinda dan/atau bervariasi seperti yang ditentukan oleh Bank, Pemohon mengesahkan bahawa Pemohon bersetuju untuk menggunakan Kemudahan Yang Diperbaharui dan Pemohon memberikan arahan, aku janji dan pelantikan agensi yang sama seperti yang dinyatakan di atas berkenaan dengan setiap Pembaharuan Kemudahan.

8. Bayaran Harga Jualan Bank

Semua amaun yang terhutang di bawah Kemudahan (termasuk prinsipal, Keuntungan atau apa-apa wang lain yang terhutang kepada Bank) perlu dibayar atas permintaan.

Obligasi Pemohon bagi pembayaran Harga Jualan Bank adalah seperti berikut:

(a) Amaun Prinsipal yang merupakan sebahagian daripada Harga Jualan Bank hendaklah dibayar apabila dituntut atau pada hujung Tempoh Ketersediaan yang mana terdahulu; dan

(b) Amaun Keuntungan yang merupakan sebahagian daripada Harga Jualan Bank, yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif (KKE), hendaklah dibayar apabila

dituntut atau sebagaimana yang diperincikan dalam Terma dan Syarat ini, yang mana terdahulu.

9. Kebenaran bagi Amaun yang telah digunakan serta apa-apa amaun lain yang perlu dibayar

Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain yang dimiliki oleh Bank, Bank berhak, menurut budi bicaranya, untuk mendebitkan, menandakan (earmark), memindahkan, menolak selesai (set-off) dan/atau menggunakan amaun yang bersamaan dengan amaun yang terhutang dan perlu dibayar di bawah Kemudahan ini (termasuk amaun yang telah digunakan dan apa-apa amaun lain yang terhutang dan perlu dibayar) daripada Akaun Gaji Pemohon ke Akaun Kemudahan pada setiap bulan bagi tujuan menjelaskan amaun tersebut.

10. Perlindungan Tunai

(a) Bagi setiap penggunaan Had Diluluskan, Harga Pembelian Bank akan dikurangkan sebanyak amaun yang telah digunakan tersebut. Setelah Harga Pembelian Bank digunakan sepenuhnya, penggunaan selanjutnya akan dibuat daripada Perlindungan Tunai yang tersedia. Perlindungan Tunai ialah apa-apa bayaran oleh Pemohon (selain Keuntungan, Pampasan (Ta'widh) dan Amaun Penyelesaian) yang diterima oleh Bank semasa Tempoh Ketersediaan.

(b) Perlindungan Tunai adalah berdasarkan konsep Rahn (cagaran) dan amaunnya adalah bersamaan dengan amaun Kemudahan yang telah dikeluarkan. Keseluruhan dan/atau sebahagian daripada pembayaran (Perlindungan Tunai) bagi Kemudahan tersebut hendaklah digunakan oleh Bank pada bila-bila masa dari semasa ke semasa sehingga Pemohon menggunakan Kemudahan tersebut dengan sewajarnya.

(c) Pemohon dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk menggunakan, sama ada keseluruhan atau sebahagian, Perlindungan Tunai bagi tujuan perniagaan Bank.

(d) Perlindungan Tunai tersebut boleh digunakan oleh Bank pada bila-bila masa sehingga Kemudahan ditamatkan atau dibatalkan.

11. Rebat (“ Ibra’ ”)

Bank akan memberi rebat (Ibra') dalam keadaan berikut:

(a) <u>Perbezaan Keuntungan dikira berdasarkan KKS dan KKE</u>

Perbezaan di antara Keuntungan yang dikira berdasarkan KKS dan KKE akan dikecualikan oleh Bank melalui rebat (Ibra'); dan

(b) <u>Pembatalan Kemudahan oleh Pemohon atau Peristiwa Keingkaran atau Atas Permintaan oleh Bank</u>

Bank akan memberikan rebat (Ibra') ke atas Harga Jualan Bank setelah menerima Amaun Penyelesaian selaras:

(i) Pemohon yang menjalankan haknya untuk membatal Kemudahan; atau

(ii) Bank menjalankan haknya untuk menamatkan Kemudahan apabila Berlaku Keingkaran; atau

(iii) Bank menjalankan haknya untuk menamatkan Kemudahan atas permintaan.

Amaun Penyelesaian dan rebat (Ibra') akan ditentukan mengikut klausa Amaun Penyelesaian di bawah.

(c) Pembatalan Kemudahan Menurut Tamat Tempoh Ketersediaan

Sekiranya Kemudahan dibatalkan oleh Bank menurut klausa Tempoh Ketersediaan di atas, Keuntungan Harga Jualan Bank yang dikira atas amaun pembiayaan yang belum dikeluarkan akan dikecualikan oleh Bank melalui rebat (Ibra').

Pemohon mengakui bahawa sekiranya keuntungan terakru dijelaskan melalui penggunaan Had Diluluskan yang masih tersedia menurut Klausa 5(c)(ii), amaun yang digunakan tersebut akan dianggap sebagai sebahagian daripada amaun penggunaan tertunggak di bawah Kemudahan. Oleh yang demikian, jumlah rebat (Ibra') yang layak diterima, jika berkenaan, mungkin lebih rendah berbanding keadaan yang Keuntungan terakru tersebut dibayar terus menggunakan dana Pemohon sendiri. Pengurangan jumlah rebat (Ibra') ini adalah selaras dengan amaun penggunaan sebenar dan baki tertunggak Kemudahan, dan tidak boleh ditafsirkan sebagai Pampasan (Ta'widh).

12. Penyelesaian dan Pembatalan Kemudahan

(a) Bank tidak akan mengeluarkan sebarang surat penyelesaian, penyata penebusan atau dokumen seumpamanya bagi tujuan memudahkan penyatuan hutang, pembiayaan semula, penstrukturan semula atau pemindahan Kemudahan ini kepada mana-mana pengaturan pinjaman atau pembiayaan yang lain.

(b) Bank hanya akan menerima permohonan daripada Pemohon untuk pembatalan Kemudahan ini, tertakluk kepada pembayaran penuh Amaun Penyelesaian (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam Klausa 13) serta pematuhan terhadap keperluan dan prosedur semasa Bank.

13. Amaun Penyelesaian

(a) Amaun Penyelesaian adalah agregat daripada:

(i) Harga Pembelian Bank Yang Belum Dijelaskan; dan

(ii) Keuntungan berdasarkan KKE yang dikira sehingga tarikh Amaun Penyelesaian dibayar TOLAK Keuntungan berdasarkan KKE yang telah dibayar kepada Bank; Dan

(iii) Pampasan (Ta'widh) dikira sehingga tarikh Amaun Penyelesaian dibayar (jika ada); dan

(iv) Caj lain (jika ada).

(b) **"Harga Pembelian Bank Yang Belum Dijelaskan"** bermaksud bahagian Harga Pembelian Bank daripada Harga Jualan Bank yang belum dibayar kepada Bank.

(c) Perbezaan antara:

(i) Harga Jualan Bank; dan

(ii) agregat (a) dan (b) di atas dan bahagian Harga Jualan Bank yang telah dibayar kepada Bank akan dikecualikan melalui Ibra'.

14. Semakan dan Pembaharuan Had yang Diluluskan

(a) Kemudahan ini diberikan bersyarat kepada Pemohon yang mengendalikan Akaun Kemudahannya dengan Bank secara memuaskan pada setiap masa. Walau demikian di atas, Bank berhak menurut Syariah untuk mengkaji semula secara berkala dan seterusnya mengubah Terma Kemudahan.

(b) Tertakluk kepada Syariah, sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana terma dan syarat dan/atau berlakunya mana-mana Peristiwa Keingkaran, Bank mempunyai hak mutlak untuk menghadkan Kemudahan bagi penggunaan, membekukan akaun yang berkaitan, membuat tolakan selesai terhadap akaun Pemohon dengan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada mempercepatkan pembayaran Harga Jualan Bank yang masih danperlu dibayar.

(c) Semasa Tempoh Ketersediaan, Bank mengikut budi bicara mutlaknya boleh memperbaharui Kemudahan sama ada atas terma yang sama atau dipinda termasuk tetapi tidak terhad kepada pengurangan had Kemudahan dengan mengeluarkan notis kepada Pemohon. Melainkan jika Pemohon memaklumkan kepada Bank tentang niatnya untuk tidak memperbaharui Kemudahan dalam jangka masa yang disebutkan dalam notis tersebut, Bank hendaklah meneruskan dengan memperbaharui Kemudahan melalui cara Pemohon dan Bank membuat transaksi Tawarruq baru mengikut Klausa Konsep / Kaedah Pembiayaan Syariah di atas.

(d) Pada setiap pembaharuan, Tempoh Ketersediaan baru akan berkuat kuasa dan pembaharuan itu, semua hasil daripada Kemudahan baru atau yang diperbaharui hendaklah terlebih dahulu digunakan untuk pembayaran semua amaun yang tertunggak dan terhutang kepada Bank di bawah Kemudahan yang sedia ada tanpa notis atau permintaan lanjut.

15. Pampasan (Ta'widh)

(a) Pemohon dengan ini bersetuju untuk membayar kepada Bank pampasan (Ta'widh) terhadap Ansuran lampau tempoh dan pembayaran sebarang keterhutangan atau Harga Jualan Bank pada kadar berikut:-

(i) Semasa Tempoh Ketersediaan: untuk kegagalan pembayaran semasa Tempoh Ketersediaan, pampasan (Ta'widh) akan dikenakan berdasarkan kos sebenar sehingga (i) 1% setahun atau sebarang kadar lain yang diluluskan oleh BNM dikira ke atas amaun yang tertunggak dari tarikh matang bagi pembayaran Ansuran tersebut sehingga tarikh apabila bayaran diterima sepenuhnya oleh Bank;

(ii) Jika Kemudahan ditarik balik semasa Tempoh Ketersediaan kerana gagal membuat pembayaran semasa Tempoh Ketersediaan yang kegagalan tersebut menyebabkan Kemudahan ditamatkan sebelum matang, kadar pampasan (Ta'widh) akan dikenakan berdasarkan kos sebenar sehingga 1% setahun dikira ke atas Harga Jualan Bank yang terunggak ditolak rebat (Ibra') (" Baki Tertunggak "), dari tarikh Kemudahan ditamatkan sehingga tarikh Baki Tertunggak diterima oleh Bank sepenuhnya atau penghakiman untuk Baki Tertunggak diperolehi terhadap Pemohon, mengikut mana yang lebih awal; dan

(iii) Selepas tamat Tempoh Ketersediaan: untuk kelewatan pembayaran melebihi Tempoh Ketersediaan, kadar pampasan (Ta'widh) akan dikenakan berdasarkan kos sebenar sehingga kadar harian semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") semalaman yang ditetapkan oleh BNM atau kadar lain yang diluluskan oleh BNM dikira ke atas Baki Tertunggak dari tamat Tempoh Ketersediaan sehingga tarikh Baki Tertunggak diterima oleh Bank sepenuhnya, tertakluk kepada sebarang rebat (Ibra'), yang berkenaan.

(b) Jumlah Pampasan (Ta'widh) tidak akan dikompaun ke atas ansuran tertunggak dan/atau jumlah tertunggak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(c) Pampasan (Ta'widh) terkumpul tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) daripada Harga Pembelian Bank yang belum dijelaskan.

16. Perwakilan Dan Waranti

Dengan menerima Terma ini, Pemohon mewakili dan menjamin kepada Bank bahawa:

(a) Pemohon mempunyai keupayaan untuk melaksanakan, menyampaikan dan melaksanakan Terma ini;

(b) Pemohon tidak ingkar terhadap apa-apa perjanjian (sama ada berhubung dengan pembayaran, prestasi atau sebaliknya) yang mana Pemohon adalah pihak atau terikat;

(c) tidak ada litigasi, timbang tara atau pertikaian sama ada sebenar, yang belum selesai atau terancam terhadap Pemohon;

(d) semua penyata kewangan dan / atau maklumat yang dikemukakan oleh Pemohon kepada Bank memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pemohon;

(e) tidak ada perubahan buruk dalam keadaan kewangan Pemohon yang akan menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan kewajipannya di bawah Terma ini;

(f) Terma ini merupakan kewajipan pemohon yang sah dan boleh dikuatkuasakan dan tidak akan menjadi peristiwa keingkaran atau kemungkinan berlaku keingkaran di bawah mana-mana perjanjian Pemohon dengan pihak ketiga atau melanggar mana-mana undang-undang, peraturan atau perintah yang mengikat Pemohon;

(g) semua maklumat yang diberikan oleh Pemohon kepada Bank adalah benar, tepat dan lengkap dan tidak meninggalkan apa-apa fakta penting; dan

(h) tidak ada prosiding kebankrapan atau insolvensi yang diancam atau belum selesai terhadap Pemohon dan Pemohon bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan.

Setiap perwakilan dan jaminan di atas akan membentuk perwakilan dan jaminan berterusan sepanjang tempoh Kemudahan.

17. Peristiwa Keingkaran

Pemohon bersetuju bahawa jika mana-mana kejadian berikut berlaku, Bank berhak mengisytiharkan dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kepada Pemohon bahawa (i) semua jumlah tertunggak di bawah Kemudahan menjadi perlu dibayar segera berdasarkan pembayaran dipercepatkan terhadap Harga Jualan Bank; dan (ii) Kemudahan ini akan dibatalkan dan selepas itu tiada penggunaan lanjut akan dibenarkan:

(a) Pemohon gagal membayar mana-mana amaun tertunggak yang tertunggak di bawah Kemudahan atas permintaan;

(b) Pemohon melakukan apa-apa pelanggaran atau gagal mematuhi atau melaksanakan apa-apa perjanjian, aku janji atau terma dalam Terma ini, atau gagal mematuhi apa-apa notis yang diberikan yang menghendaki Pemohon membetulkan pelanggaran itu;

(c) Pemohon melakukan kemungkiran mana-mana peruntukan di atas mana-mana perjanjian, atau dokumen keselamatan, atau kedua-duanya (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang berhubungan dengan akaun lain atau kemudahan pinjaman/pembiayaan yang diberikan oleh Bank atau pihak lain;

(d) suatu distres atau pelaksanaan dikenakan ke atas atau dikeluarkan terhadap mana-mana harta atau aset Pemohon dan tidak dilepaskan dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh permulaan kesusahan atau pelaksanaan itu;

(e) jika apa-apa prosiding undang-undang, saman atau tindakan (sivil atau jenayah) dimulakan atau diancam terhadap Pemohon atau jika Pemohon:

(i) adalah atau menjadi bankrap, digulungkan, tidak solven atau melakukan apa-apa tindakan kebankrapan;

(ii) diperintahkan untuk menjalani hukuman jagaan atau mati atau menjadi tidak sempurna fikiran;

(iii) menggantung pembayaran hutang, atau mengakui atau dianggap tidak dapat membayar apa-apa hutang yang perlu dibayar;

(iv) mencadangkan kepada, atau memasuki apa-apa komposisi atau susunan lain (sukarela atau sebaliknya);

(v) diletakkan di bawah pengurusan kehakiman atau menjadi subjek permohonan bagi suatu perintah pengurusan kehakiman; atau

(vi) mempunyai penerima dan/atau pengurus, pentadbir atau pegawai yang serupa yang dilantik ke atas mana-mana bahagian penting Pemohon atau aset dan/atau perniagaannya (yang berkenaan);

(vii) mempunyai prosiding yang dimulakan terhadap Pemohon berhubung dengan apa-apa pembinaan semula atau pelarasan hutang di bawah mana-mana undang-undang, peraturan atau prosedur;

(viii) telah melanggar terma mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah atau telah memasuki atau mencadangkan untuk membuat apa-apa perkiraan sukarela dengan Pemohon atau pemiutang masing-masing;

(ix) memohon kepada Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain untuk menghalang Bank atau pemiutang lain daripada menguatkuasakan mana-mana hak atau sekuriti mereka yang terkandung dalam mana-mana dokumen jaminan atau keselamatan;

(f) jika Pemohon terjejas oleh perubahan material dalam keadaan kewangannya yang mungkin menjejaskan keupayaan Pemohon untuk memenuhi kewajipannya di bawah Terma ini;

(g) jika suatu perintah dibuat bagi pemerolehan wajib atau permintaan aset Pemohon atau mana-mana bahagian material daripadanya;

(h) jika Pemohon gagal mengendalikan mana-mana akaun dengan Bank dengan cara yang memuaskan;

(i) jika apa-apa perisytiharan, representasi atau waranti yang dibuat atau tersirat kepada Bank adalah tidak betul atau mengelirukan pada tarikh ia dibuat;

(j) jika Pemohon telah memberikan penyata kewangan yang tidak benar atau mengelirukan dan/atau data lain kepada Bank;

(k) jika Pemohon tidak memberikan apa-apa maklumat tambahan atau dokumen sokongan berkenaan dengan Pemohon apabila diminta oleh Bank;

(l) jika apa-apa kejadian lain berlaku yang boleh atau mungkin menjejaskan atau mengesankan keupayaan atau kesanggupan Pemohon untuk mematuhi mana-mana kewajipan Pemohon di bawah Terma ini;

(m) jika suatu peristiwa atau siri peristiwa berlaku (sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan sama ada bersifat nasional atau antarabangsa) termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa tindakan keganasan, keganasan, permusuhan, perang, kecemasan, pemberontakan, revolusi, pemberontakan, perampasan kuasa, endemik atau wabak atau malapetaka lain yang pada pendapat Bank:

(i) boleh atau mungkin menjejaskan keupayaan atau kesanggupan Pemohon untuk mematuhi sepenuhnya semua atau mana-mana kewajipan Pemohon di bawah Terma ini atau menjadikannya tidak berupaya bahawa Pemohon akan dapat berbuat demikian; atau

(ii) akan menyebabkan Bank tidak boleh atau tidak praktikal untuk membuat atau terus menyediakan Kemudahan atau membenarkan apa-apa penggunaan Kemudahan ini; atau

(iii) boleh atau mungkin menjejaskan Kemudahan;

(n) jika disebabkan oleh penggubalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang, peraturan, keperluan pengawalseliaan yang terpakai (sama ada atau tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang), atau dalam tafsiran atau pemakaian yang sama, Bank berpendapat bahawa ia telah atau akan menjadi menyalahi undang-undang bagi Bank untuk melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah Terma ini, atau bahawa Bank akan dilarang atau dihalang daripada berbuat demikian;

(o) jika Pemohon melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, perintah, ordinan atau undang-undang kecil dan keperluan mana-mana pihak berkuasa kompeten; atau

(p) jika Pemohon adalah atau tertakluk kepada mana-mana Sekatan (seperti yang ditakrifkan di bawah).

"**Sekatan**" bermaksud mana-mana undang-undang, peraturan, embargo atau langkah sekatan ekonomi yang ditadbir, digubal atau dikuatkuasakan oleh (i) Kerajaan Amerika Syarikat, (ii) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, (iii) Kesatuan Eropah, (iv) United Kingdom, (v) Kerajaan Malaysia, atau (vi) institusi dan agensi kerajaan masing-masing dari mana-mana negara tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat ("**OFAC**"), Jabatan Negara Amerika Syarikat, Bank Negara Malaysia dan Perbendaharaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

18. Fi, Caj, Kos-Kos, Perbelanjaan dan Perubahan Kadar

(a) Pemohon mesti membayar semua fi, caj, kos dan perbelanjaan di atas Kemudahan (termasuk yuran guaman atas dasar klien peguamcara, jika ada) yang dikenakan ke Akaun Kemudahan apabila ditanggung berhubung dengan Kemudahan ini. Semua fi, caj, kos dan perbelanjaan tidak boleh dikembalikan dan boleh disemak semula atau dikemas kini oleh Bank dari semasa ke semasa. Bank akan memberi pemohon notis bertulis terlebih dahulu mengenai perkara yang sama.

(b) Pemohon dengan ini secara tidak boleh batal memberi kuasa kepada Bank untuk memotong dan mendebitkan duti setem yang perlu dibayar berhubung Kemudahan ini daripada Akaun

Semasa-i CIMB Pemohon. Jika baki yang tersedia dalam Akaun Semasa-i CIMB Pemohon tidak mencukupi untuk membayar sepenuhnya duti setem yang berkenaan, Bank berhak menggunakan Had Diluluskan bagi membayar kekurangan tersebut.

